





Pertandingan Debat

**KESELAMATAN & KESIHATAN PEKERJAAN
PIALA NAIB CANSELOR**

Lahir bakat baru



Oleh:
Pn. Sayang Nurshahrizleen
Ramlan

Bersempena dengan Minggu Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP) UniMAP 2011 yang berlangsung dari 9 Mac hingga 10 April 2011, satu Pertandingan Debat Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan (KKP) Piala Naib Canselor telah diadakan buat julung kalinya. Pertandingan ini dianjurkan oleh Kelab Debat UniMAP dengan kerjasama Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni (JHEPA), UniMAP.

Pertandingan debat yang telah berlangsung pada 9 dan 10 April ini merangkumi 3 pusingan iaitu pusingan awal dan separuh akhir bertempat di Dewan Kuliah UniMAP, Jalan Serawak, Kuala Perlis. Manakala pusingan akhir pula diadakan di Dewan Capitol, Kangar bersempena Majlis Perasmian Penutup Minggu KKP 2011.

Pertandingan ini mendapat sambutan penyertaan yang menggalakkan dengan 8 pasukan dari setiap pusat pengajian. Bertemakan "Keselamatan Jalanraya", pertandingan ini bertujuan mendidik mahasiswa meningkatkan tahap pengetahuan dan keperihatinan tentang isu-isu yang berkaitan dengan keselamatan dan kesihatan pekerjaan khususnya keselamatan jalanraya serta kewibawaan mereka dalam membahaskan isu-isu berkenaan dengan idea yang bernes dan wajar. Disamping itu ianya juga sebagai satu usaha untuk menarik minat dan menggalakkan golongan pelajar berdebat dan memahami isu-isu berkaitan sekaligus menyemai serta memperkuuhkan kesedaran terhadap kepentingannya setelah melangkah ke alam pekerjaan. Program ini juga berupaya mencungkil bakat-bakat baru di kalangan pelajar UniMAP dalam arena perdebatan disamping mendedahkan teknik berdebat di peringkat universiti secara praktikal.

Naib Canselor UniMAP, Brig. Jen. Dato' Prof. Dr. Kamarudin Hussin turut hadir merasmikan majlis berkata, sebagai sebuah universiti yang berteraskan bidang kejuruteraan, aspek keselamatan adalah elemen yang paling utama kerana kakinangan serta pelajar sering terdedah kepada pelbagai bentuk risiko atau kemalangan semasa mengendalikan mesin atau peralatan di bengkel atau makmal.

"Oleh itu pengajuran Minggu Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan ini menjadi salah satu cara untuk mendidik warga UniMAP agar lebih berhati-hati dan mengetahui cara yang betul dalam menjalankan kerja sehari-hari." Katanya ketika berucap pada Majlis Perasmian Penutup Minggu Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP) 2011 dan Pertandingan Debat Akhir KKP Piala Naib Canselor.

Antara lain pengisian Minggu KKP UniMAP 2011 adalah; Latihan Pengungsian Bangunan (Fire Evacuation Drill), Kursus Kesihatan Pekerjaan di Tempat Kerja, Pertandingan Fotografi (Hazard Identification & Good Safety Practices), Pertandingan UniMAP Safety Challenge 2011 dan UniMAP OSH Week Bowling Challenge.

Kemenangan Pertandingan Debat KKP Piala Naib Canselor 2011 ini telah memihak kepada pasukan Pusat Pengajian Kejuruteraan (PPK) Alam Sekitar yang merangkul johan dengan memenangi piala pusingan, plag, sijil serta wang tunai berjumlah RM200.00. Manakala naib johan pula dimenangi oleh PPK Sistem Elektrik dengan hadiah plag, sijil serta wang tunai berjumlah RM160.00.

Pendebat terbaik dimenangi oleh Saudara Mohd. Zulkifly Mohd. Shariff dengan hadiah wang tunai berjumlah RM100.00. Tempat ketiga dan keempat pula dimenangi oleh pasukan debat Pusat Pengajian Inovasi & Teknousahawan (PPIPT) dan PPK Bioproses dengan masing-masing membawa pulang plag, sijil serta wang tunai berjumlah RM100.00. Pasukan-pasukan lain turut menerima hadiah saguhati berupa sijil dan hamper bernilai RM50.00 setiap satu.